

**Adun BN Selangor Keluar Dewan Kerana Speaker Berat Sebelah  
Bernama  
30 November, 2012**

SHAH ALAM, 30 Nov (Bernama) -- Seramai 13 Anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dari Barisan Nasional (BN) keluar dewan Jumaat kerana membantah tindakan Speaker Datuk Teng Chang Kim, yang mereka anggap sebagai berat sebelah.

Ketua Pembangkang DUN Selangor Datuk Mohd Satim Diman (BN-Batang Kali) berkata Teng meluluskan usul mengikut Peraturan Tetap 27 (3) yang mengambil ketetapan untuk mendenda Datuk Mohd Isa Abu Kassim (BN-Batang Kali) kerana didakwa mengeluarkan kenyataan tidak sopan.

"Speaker telah meluluskan supaya Adun Batang Kali didenda RM1,000 selepas dikurangkan dari RM5,000, yang akan dipotong dari Elaun Khas Anggota Dewan Undangan Negeri.

"Denda ini dikenakan ke atas Datuk Mohd Isa berikutan beliau telah mengeluarkan kenyataan seksis terhadap Adun Bukit Lanjan Elizabeth Wong semasa sesi penggulungan pada sidang DUN 22 Nov lepas yang berbunyi 'jangan sampai terlupa jaga hutan kita sendiri,'" katanya kepada pemberita.

Beliau berkata kenyataan Mohd Isa itu telah disalah tafsir oleh Adun Pakatan Rakyat.

Persidangan Dewan berakhir hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712949>